

Lawatan Pemantauan Pengurusan Rekod Tingkatkan Kualiti Penyimpanan Dokumen di MRS Gombak Barat

SHAH ALAM, 29 Januari 2024 – Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) telah melaksanakan **Lawatan Khidmat Nasihat dan Pemantauan Pengurusan Rekod** di MRS Gombak Barat pada sesi petang.

Lawatan ini diketuai oleh **En. Sofian bin Ibrahim** (Pegawai Rekod Jabatan) dan **Puan Nuraziraakmar binti Othman** (Pembantu Tadbir Rekod Jabatan), bersama pegawai serta kakitangan mahkamah terlibat.

Program ini bertujuan memastikan pengurusan rekod di semua mahkamah sentiasa kemas, teratur, dan mematuhi piawaian Arkib Negara serta garis panduan JKSM.

Penemuan di MRS Gombak Barat

Di MRS Gombak Barat, kertas minit telah dikemas kini dan susunan fail mengikut kesesuaian lokasi.

Rekod penjilidan melibatkan **140 folder 2D putih** bagi kes tahun 2008 hingga 2011 telah disediakan, namun memerlukan kemas kini pada senarai kulit folder.

Masalah anai-anai di bilik rekod telah diatasi, namun ruang penyimpanan fail agak terhad dan kotak fail masih diletakkan di lantai. Pelupusan pada tahun 2023 melibatkan **124 fail Pentadbiran Perundangan** dan **484 fail Urusan Am**. Pihak jabatan menegaskan kepentingan mematuhi tatacara borang pelupusan seperti arahan Arkib Negara.

Cadangan Penambahbaikan Umum

- Mengemas kini kertas minit secara berkala.
- Menebuk lubang dokumen untuk penggunaan tali fail.
- Mematuhi prosedur JPR dan borang rasmi dalam pelupusan rekod.
- Menyediakan senarai kulit folder mengikut format JKSM.
- Penjilidan rekod tidak perlu disertakan kulit fail mengikut JPR Urusan Fungsian 2020.



